

# A SCABS LOTION

Permethrin (5% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan A SCABS
2. Bagaimana A SCABS berfungsi
3. Sebelum mengambil A SCABS
4. Cara menggunakan A SCABS
5. Semasa menggunakan A SCABS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan A SCABS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang A SCABS. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil A SCABS berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan A SCABS

A SCABS digunakan dalam rawatan topikal kudis.

## Bagaimana A SCABS berfungsi

A SCABS mengandungi bahan aktif *Permethrin*. *Permethrin* ialah sejenis *pyrethroid* yang bertindak sebagai antiparasit.

## Sebelum menggunakan A SCABS

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan A SCABS sekiranya:

- Anda hipersensitif terhadap *permethrin*, sintetik *pyrethrin* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.
- Bayi bawah umur 2 tahun, kecuali atas nasihat doktor.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

### Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda menggunakan mana-mana ubat preskripsi atau bukan preskripsi atau produk kulit.

Jika anda tidak pasti sama ada perkara di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

### Kehamilan dan penyusuan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan A SCABS

Selalu menggunakan A SCABS seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda harus bertanya dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti penggunaannya.

Pastikan kulit anda bersih, kering dan sejuk.

Dewasa & kanak-kanak : Sapu pada bahagian badan dari kepala hingga ke kaki, memberi perhatian khusus kepada semua lipatan dan garisan kulit. Kudis jarang menjelaskan kulit kepala orang dewasa, walaupun garis rambut, leher, pelipis dan dahi mungkin dijangkiti oleh bayi dan orang tua. Biarkan selama 8 – 14 jam, kemudian cuci dengan sepenuhnya. Kebiasaannya, kuantiti satu botol 30ml mencukupi untuk penggunaan bagi orang dewasa.

Sekali penggunaan secara umumnya boleh menyembuhkan.

Kegatalan berterusan mungkin terjadi selepas rawatan. Ini jarang menunjukkan kegagalan rawatan dan bukan petunjuk untuk rawatan semula. Gatal-gatal biasanya berterusan selama beberapa hari atau beberapa minggu selepas rawatan walaupun hama/parasit telah dimatikan. Ini adalah kerana ia mengambil masa untuk reaksi alahan untuk reda.

### Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dengan secukupnya untuk menutupi seluruh kulit badan.

### Bila perlu digunakan

Guna ubat apabila kawasan yang terjejas telah bersih, kering dan sejuk.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan. Satu aplikasi biasanya boleh membawa kesan rawatan.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jangan menggandakan dos untuk menganti dos yang tertinggal.

-Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan terlalu banyak A SCABS mungkin mmengakibatkan pertambahan kerengsaan dan erythema (kulit kemerahan). Jika tertelan, sila berjumpa dengan doktor anda.

Jika anda mengesyaki anda terlebih dos, sila berjumpa ahli farmasi atau doktor anda. Bawa bersama baki ubat yang tidak digunakan.

**Semasa menggunakan A SCABS**

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan A SCABS.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan, atau reaksi sensitif.

Jika terkena pada mata atau membran mukus, basuh segera dengan air yang banyak.

**Kesan-sesan sampingan**

Se semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. A SCABS boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah rasa membakar, gatal, kebas, ruam, kemerahan, rasa pedih, Bengkak atau cucukan pada kulit kepala.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan A SCABS**

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Tutup dengan rapat dan betul.  
Lindungi daripada cahaya terik.  
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.  
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

-Rupa dan warna A SCABS

A SCABS adalah losyen berwarna putih dan boleh didapati dalam botol plastik 30ml.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
*Permethrin 5% w/v*

Bahan-bahan tidak aktif:  
*Methylparaben, Propylparaben, Triclosan, Propylene Glycol, Xanthan Gum, Cetearyl Alcohol (and) PEG-20 Stearate, Liquid Paraffin, Polyethylene Glycol-40 Castor Oil, Menthol, Sodium Citrate, Citric Acid Anhydrous dan Purified Water.*

MAL number: MAL20040878XZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

-Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

-Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

24/05/2018

**Nombor siri:**

NPRA(R4/1)240518/00168